

19 OCT 2003

APEC-PEMIMPIN/I

ISU KESELAMATAN DAN WTO MENJADI AGENDA UTAMA PEMIMPIN APEC

Oleh: Siti Hawa Othman

BANGKOK, 19 Okt (Bernama) -- Mesyuarat Pemimpin Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) ke-11 bermula esok dengan isu-isu keselamatan dan kegagalan rundingan Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) di Cancun antara agenda utama yang akan dibincangkan.

Amerika Syarikat dijangka mendesak dibincangkan mengenai isu-isu keselamatan dan cara-cara memerangi keganasan tetapi kemungkinan mendapat bingkangan daripada negara-negara Asean.

Perdana Menteri Thai Thaksin Shinawatra berkata, Asean merasakan bahawa mesyuarat itu sepatutnya dihadkan kepada matlamat asal Apec.

"Apa-apa sahaja yang ada kaitan dengan keganasan tiada kaitan dengan matlamat ini, melainkan ia memberi kesan kepada ekonomi," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat kerja jamuan makan tengahari para pemimpin Asean-7 yang diberikannya hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang tiba di sini pada pagi hari ini berharap Apec akan berbalik ke matlamat asalnya dan tidak memperluaskan agendanya.

Katanya, kumpulan 21 buah anggota ekonomi itu sepatutnya kekal dengan matlamat asal kerjasama ekonominya dan tidak memperluaskan skopnya.

Dr Mahathir akan mengadakan sesi dialog di Sidang Kemuncak CEO pagi esok mengenai globalisasi dan cabarannya.

Sementara itu, para pemimpin berkenaan telah tiba di bandaraya ini dan mereka termasuk Presiden AS George W. Bush, yang sedang dalam sebahagian daripada lawatan ke enam buah negara di rantau ini.

Para pemimpin Apec itu akan menghadiri istirehat pertama pada sebelah petang dan kemudiannya berinteraksi dengan majlis Penasihat Perniagaan Apec (Abac).

Mereka kemudiannya akan mengunjungi Raja dan Ratu Thailand pada sebelah malam sebelum menghadiri Jamuan Malam Gala.

Pada hari Selasa, para pemimpin itu akan menghadiri istirehat kedua di sebelah pagi dan membaca perisytiharan pada sebelah petang bagi menutup mesyuarat Apec itu. -- BERNAMA

SHO FR AHM